

PM:
22 FEB 1991
**Hapuskan
semangat
kenegerian**

KOTA KINABALU 21 Feb. —
Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika anak-anak Sabah hendak menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri, mereka hendaklah menghapuskan sama sekali semangat kenegerian.

Beliau menegaskan, ini adalah kerana anak Sabah itu tidak boleh menjadi Perdana Menteri kepada rakyat Sabah sahaja dan tidak boleh menjadi Presiden UMNO semata-mata dengan sokongan UMNO Sabah.

"Kalau saya berjuang hanya untuk orang - orang Kedah, orang lain tidak akan sokong saya.

"Saya juga tidak boleh kata saya anak Kedah, tapi saya anak Malaysia," ujarnya di Perhimpunan Agung USNO di sini hari ini.